

Kontrak: Kerajaan belum puas hati

KUALA LUMPUR 8 Sept. — Tindakan kerajaan menarik balik serta merta pengharaman terhadap pemberian kontrak-kontrak kepada syarikat-syarikat Britain bukan bermakna kerajaan sudah berpuas hati dengan laporan media negara itu, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, langkah itu diambil kerana memikirkan kerajaan tidak perlu membuang masa untuk melayan kere-nah media negara berkenaan yang tidak akan menulis perkara yang benar teruta-

manya mengenai negara ini.

“Saya masih belum berpuas hati tetapi saya rasa-sakan membuang masa sahaja melihat dan memikirkan tentang tulisan media Britain ini, tulisan mereka yang tidak membawa kebenaran, lebih-lebih lagi tentang orang lain,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, hari ini.

Beliau mengulas keputusan kerajaan hari ini yang menarik balik serta merta pengharaman terhadap pemberian kontrak kepada syarikat-syarikat Britain, selepas berlarutan hampir tujuh bulan.

Ditanya adakah kerajaan akan mengharamkan lagi pemberian kontrak-kontrak kepada syarikat-syarikat Britain jika mereka sekali lagi menulis perkara-perkara yang memburukkan negara ini, Dr. Mahathir berkata: “Semuanya itu hanya akan membuang masa.”

Mengenai harta-harta UMNO, Dr. Mahathir berkata, harta-harta tersebut telah diwarta dan dipulang-balik kepada UMNO.

Katanya, tindakan sedang diambil untuk membawa balik harta-harta UMNO ke pusat dan urusannya akan dibuat melalui Ibu Pejabat UMNO.

Dr. Mahathir juga berkata, jawatankuasa penaja bahagian yang menghadiri perwakilan khas bahagian diberi kuasa mengundi.

Dr. M.

13-9-2004